

21/06/1999

Barat cuba rosakkan sistem kewangan

KAPITALIS Barat cuba memporak-perandakan sistem kewangan negara dengan memperkenalkan pelbagai kaedah penyelamat ekonomi yang ketat serta menyusahkan rakyat, kata wakil Perhubungan Umno Johor, Abu Bakar Ibrahim.

"Di manakah logiknya, ketika nilai wang kita jatuh, mereka sebaliknya menaikkan kadar faedah. Mereka yang pada mulanya kita sangka pelabur tulen mengeluarkan berbilion ringgit daripada negara kita secara tiba-tiba," katanya ketika membahaskan usul ekonomi dan pendidikan.

Menurutnya, paling menyedihkan apabila Barat menggunakan tali barutnya di kalangan pemimpin tempatan untuk melancarkan gerakan pemusnahan ekonomi negara.

Tanpa menyebut nama pemimpin yang dianggap menjadi topeng Barat itu, beliau berkata antara langkah dilaksanakan ialah menaikkan kadar faedah ke tahap 24 peratus yang dianggap paling tinggi dalam sejarah kewangan negara.

"Pada masa itu bayangkan kesusahan yang dialami, tiada siapa boleh berniaga dan tiada siapa berani meminjam modal kerana tidak mampu membayar hutang disebabkan faedah melampau. Bank dan institusi kewangan juga tidak dapat memungut hutang kerana peniaga muflis serta kekurangan wang.

"Ini diburukkan lagi dengan tempoh hutang tidak berbayar (NPL) dikurangkan daripada enam kepada tiga bulan," katanya.

Sehubungan itu, Abu Bakar berkata kecekapan pentadbiran negara diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad harus dipuji kerana ia berjaya membebaskan negara daripada penjajahan bentuk baru Barat melalui serangan ekonomi.

Menurutnya, penjajahan bentuk baru itu cepat disedari pemimpin negara kerana kesannya amat buruk hingga boleh memiskinkan semula rakyat.

"Kapitalis Barat mendabik dada kononnya merekalah yang merancakkan pertumbuhan ekonomi negara sejak lebih sedekad lalu dan mendakwa merekalah yang paling layak mengambil alih pengurusan ekonomi apabila berlaku krisis ekonomi.

"Jika ekonomi jatuh ke tangan mereka, kita bukan saja kehilangan kemerdekaan, malah rakyat akan berasa rendah diri," katanya.

Beliau berkata, Barat sebenarnya iri hati serta dihantui perasaan bimbang kerana Malaysia diterajui pemimpin beragama Islam.

Abu Bakar berkata, media Barat turut menjalankan propaganda dengan memutar-belitkan keadaan sebenar yang berlaku di dalam negara.

"Mereka kata berlaku krisis yang hebat, rusuhan di sana sini. Pemimpin pula lemah dan tidak bijak untuk menguruskan negara, sedangkan pemimpin inilah yang meletakkan negara kita sebagai negara yang mempunyai perdagangan terbesar di dunia," katanya.

Menurutnya, rakyat seharusnya bersyukur kerana Dr Mahathir berjaya menjalankan langkah pemulihan sehingga pernah dianggap Barat sebagai angan-angan sebelum ini.

(END)